

TAKAFULINK DANA DINAMIK

All information as at 30 June 2019 unless otherwise stated


Semua maklumat adalah seperti pada 30 Jun 2019 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Dinamik aims to provide investors with capital appreciation by investing in a Sub-Fund called Eastspring Investments Dana Dinamik. The Fund provides exposure to investments in Shariah approved equities and equity related securities. For defensive considerations, the Fund may invest in Shariah-approved debentures and money market instruments.

Takafulink Dana Dinamik ini bertujuan untuk menyediakan peningkatan modal kepada pelabur dengan melabur dalam satu Sub-Dana iaitu Eastspring Investments Dana Dinamik. Dana ini memberi pendedahan kepada pelaburan dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti. Sebagai pertimbangan defensif, Dana boleh melabur dalam debentur yang diluluskan oleh Syariah dan instrumen pasaran wang.

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Eastspring Investments Dana Dinamik	99.10
2 Cash, Deposits & Others	0.90

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana


Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring al-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	08/01/2018
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM1,787,771.21
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.25% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM1.01233

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana

Takafulink Dana Dinamik Vs. 50% FTSE Bursa Malaysia Emas Shariah Index (FBMS) +50% Maybank 12-months Islamic Fixed Deposit-i

■ Takafulink Dana Dinamik
■ Takafulink Dana Dinamik Vs. 50% FTSE Bursa Malaysia Emas Shariah Index (FBMS) +50% Maybank 12-months Islamic Fixed Deposit-i



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	2.60%	3.52%	7.66%	4.29%	NA	NA	1.23%
Benchmark / Penanda Aras	1.55%	2.31%	3.58%	1.98%	NA	NA	-3.16%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	1.05%	1.21%	4.08%	2.31%	NA	NA	4.39%

TAKAFULINK DANA DINAMIK

All information as at 30 June 2019 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 Jun 2019 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Equities

Market Review

Regional markets rebounded in the month of June, with news of US and China restarting their trade talks post the G20 meeting held in Japan at the end of the month. Regional markets were driven by the potential rate cuts in the US and easing US-China trade tensions. The FBM Shariah Emas Index rose 2.86% mom in June 2019 to close at 12,133 points, but still was one of the worst performer in the region, as our peers registered gains of between 2.4% - 6.8%. Domestically, sentiment improved in the second half of the month when newsflow turned positive with lower than expected passive outflow from the MSCI index rebalancing for Tenaga Berhad. In addition, Gamuda Berhad surprised the market with an offer from Ministry of Finance to buyout 4 of their toll concessions for RM6.2bn. Foreign investors turned slight net buyers of equity of RM0.1b in June, breaking the four months streak of net outflows, bringing year-to-date net foreign outflow from equities of RM4.7b. The FBM Shariah Small Cap index gained 3.59% for the month.

Market Outlook

Despite some market relief that the G20 summit saw the resumption of the US-China trade talks, this could still be a long drawn out affair. Whilst Malaysia may enjoy some trade diversion benefits, we are still not immune to the uncertainty surrounding the US-China trade war especially since 40% of Malaysia's total exports consist of electrical and electronic (E&E) related products. With this outlook in mind, we continue to expect volatility for the Malaysian equity market, as we await more credible measures from the new government to balance fiscal prudence and sustainable economic growth. While we are cautious over the near-term, we remain positive over the longer term, premised on a cleaner and more transparent government. There will be pockets of opportunities and value as we navigate through the volatility by focusing on companies with strong fundamentals and good track record of thriving even in challenging environments. We see opportunities with the recent market correction and look to accumulate stocks on weakness. Recent M&As announced in Malaysia has buoyed sentiment somewhat although it has been tempered by expectations of it being a long and complicated process, which may be subject to government intervention.

Ekuiti

Tinjauan Pasaran

Pasaran serantau melantun kembali pada bulan Jun, susulan berita Amerika Syarikat dan China menyambung semula rundingan perdagangan selepas mesyuarat G20 yang diadakan di Jepun pada akhir bulan ini. Pasaran serantau di pacu oleh kemungkinan potongan kadar di AS dan ketegangan perdagangan AS-China yang mengendur. Indeks FBM Shariah Emas menokok 2.86% bulan ke bulan pada Jun 2019 untuk di tutup pada 12,133 mata, tetapi masih merupakan salah satu pasaran paling buruk di rantau ini, kerana rakan-rakan serantau mencatatkan keuntungan antara 2.4% hingga 6.8%.

Meninjau domestik, sentimen bertambah baik pada separuh kedua bulan tinjauan apabila berita bertukar positif ekoran aliran keluar bersih yang lebih rendah dari jangkaan, berikutan pengimbangan semula indeks MSCI ke atas Tenaga Berhad. Di samping itu, Gamuda Berhad mengejutkan pasaran dengan tawaran daripada Kementerian Kewangan untuk membeli empat konsesi tol dengan nilai RM6.2 bilion. Pelabur asing menjadi pembeli ekuiti bersih sebanyak RM0.1 bilion pada bulan Jun, memecahkan aliran keluar bersih empat bulan, menjadikan aliran keluar bersih ekuiti setakat tahun ini sebanyak RM4.7 bilion. Indeks FBM Shariah Small Cap naik 3.59% untuk bulan tersebut.

Gambaran Pasaran

Walaupun sebahagian pasaran menarik nafas lega setelah rundingan perdagangan AS-China bersidang semula ketika kemuncak G20, namun ia masih boleh berlanjutan lama. Walaupun Malaysia mungkin menikmati beberapa manfaat lencongan perdagangan, kita masih tidak kebal terhadap ketakpastian yang melingkari perang perdagangan AS-China, terutamanya kerana 40% daripada jumlah eksport Malaysia terdiri daripada produk berkaitan elektrik dan elektronik (E&E).

Dengan mengambil kira gambaran tersebut, kami terus menjangkakan ketakstabilan melanda pasaran ekuiti Malaysia, sambil menunggu langkah-langkah yang lebih berwibawa di ambil oleh kerajaan baharu untuk mengimbangi penghematan fiskal dan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Walaupun kita berhati-hati dalam jangka masa terdekat, kita tetap positif dalam jangka masa panjang, berasaskan kerajaan yang lebih bersih dan lebih telus. Akan terdapat banyak peluang dan nilai apabila kita mengemudi sambil menuluri ketakstabilan dengan memberi tumpuan kepada syarikat yang mempunyai asas yang kukuh dan rekod prestasi yang baik untuk mengembang walaupun dalam persekitaran yang mencabar.

Kami melihat peluang dengan pembetulan pasaran baru-baru ini dan menimbang untuk mengumpul saham ekoran kemerosotannya. Pengumuman M&A di Malaysia baru-baru ini telah agak menyemarakkan sentimen walaupun dipengaruhi oleh jangkaan bahawa ia akan menjadi proses yang panjang dan rumit, yang mungkin tertakluk kepada campur tangan kerajaan.

Fixed Income

Market Review

Malaysia sovereign bonds yields for 3-years, 5-years, 10-years and 15-years MGS moved lower by 11-16bps in June to close lower at 3.29%, 3.42%, 3.63% and 3.91% respectively. In June, sovereign bonds yields moved lower across the curve in line with lower global sovereign yields as major central banks started to turn dovish with hints of looser monetary policies to support growth, coupled with the lingering uncertainty surrounding the US-China trade talks. Similarly, MGII yields 3-years, 5-years, 10-years and 15-years moved lower by 10-18bps respectively to close at 3.34%, 3.44%, 3.65% and 3.91% respectively.

Market Outlook

In July, there will be three MYR government bond auctions, a new issue of a 15-year MGS, a re-opening of 7y MGII and 30y MGS against one RM7.3b MGS and one RM1.1b SPK maturities. The domestic sovereign bond market is expected to be supported on the back of still deep domestic liquidity as evidenced by the above-average bid-to-cover ratio from the recent government bond auctions. On the corporate bond front, the market is expected to see a pickup in supply in July amid lower interest rate which is favorable for issuers. We expect demand for corporate bonds to remain strong due to 1) scarcity of quality corporate bond supply and 2) still deep liquidity in the local bond market.

TAKAFULINK DANA DINAMIK

All information as at 30 June 2019 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 Jun 2019 melainkan jika dinyatakan

Pendapatan Tetap

Tinjauan Pasaran

Hasil bon kerajaan Malaysia bagi tempoh 3 tahun, 5 tahun, 10 tahun dan 15 tahun MGS masing-masing bergerak lebih rendah sebanyak 11 hingga 16 bps pada bulan Jun untuk di tutup rendah pada 3.29%, 3.42%, 3.63% dan 3.91%.

Pada bulan Jun, hasil bon kerajaan bergerak lebih rendah merentasi lengkung selaras dengan hasil kerajaan global yang lebih rendah memandangkan nada bank-bank pusat utama mulai mengendur berikutan isyarat dasar kewangan yang lebih longgar bagi menyokong pertumbuhan, di tambah pula dengan ketakpastian yang terus melingkungi rundingan perdagangan AS-China. Begitu juga, hasil 3 tahun, 5 tahun, 10 tahun dan 15 tahun MGII masing-masing bergerak lebih rendah iaitu sebanyak 10 hingga 18 bps lalu di tutup pada 3.34%, 3.44%, 3.65% dan 3.91%.

Gambaran Pasaran

Pada bulan Julai, terdapat tiga lelongan bon kerajaan MYR, satu terbitan baharu MGS 15 tahun, pembukaan semula MGII 7 tahun dan MGS 30 tahun berbanding satu MGS RM7.3 bilion dan satu kematangan SPK RM1.1 bilion. Pasaran bon kerajaan domestik di jangka akan di sokong oleh kecairan domestik yang masih lagi dalam seperti yang dibuktikan oleh nisbah bida kepada tampungan yang melebihi purata, susulan lelongan bon kerajaan baru-baru ini.

Merujuk bon korporat, pasaran di jangka akan menerima bekalan yang meningkat pada bulan Julai di tengah-tengah kadar faedah yang lebih rendah, yang menguntungkan penerbit. Kami menjangkakan bahawa permintaan terhadap bon korporat akan kekal kukuh disebabkan oleh 1) kekurangan bekalan bon korporat yang berkualiti dan 2) kecairan yang mendalam dalam pasaran bon tempatan.

Fund Review and Strategy

The Fund returned 2.60% for the month, outperforming the benchmark return of 1.55% by 1.05%. Year-to-date, the fund returned 7.66%, outperforming the benchmark return of 3.58% by 4.08%.

The outperformance was mainly due to positive asset allocation and stock selection.

We continue to look for new stock ideas and may take gains on profitable positions and/or exiting positions which have seen unfavourable changes to the company dynamics. We like well managed companies backed by healthy balance sheets and strong cash flow with decent and sustainable earnings growth, preferably trading at attractive valuations. For fixed income, the strategy will be to continue to provide liquidity for the Fund.

Tinjauan dan Strategi Dana

Dana mengembalikan 2.60% untuk bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras 1.55% sebanyak 1.05%. Setakat tahun ini, Dana mengembalikan 7.66%, mengatasi pulangan penanda aras 3.58% sebanyak 4.08%.

Prestasi baik ini disumbangkan oleh peruntukan aset yang positif dan pemilihan stok.

Kami terus mencari idea saham baharu dan mungkin mengambil keuntungan daripada posisi yang menguntungkan dan / atau keluar daripada posisi yang tidak menguntungkan dinamik syarikat. Kami menyukai syarikat-syarikat yang terurus dengan baik, di sokong oleh lembaran keseimbangan yang sihat dan aliran tunai yang kukuh serta pertumbuhan pendapatan yang baik lagi lestari, sebaik-baiknya didagangkan pada penilaian yang menarik. Untuk pendapatan tetap pula, strateginya ialah terus menyediakan kecairan bagi Dana.

Source / Sumber: Fund Commentary, June 2019, Eastspring Investments Berhad

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL